JUZU' KE-30

SURAH AL-FAJR

SURAH KE **89**

سُورَةُ الفَجْرِ

SURAH AL-FAJR

Surah Waktu Fajar

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT **30**

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

وَالْفَجْرِ ﴿١﴾ وَلَيَالٍ عَشْرٍ ﴿٢﴾

وَالشَّفْعِ وَالْوَتْرِ ﴿٣﴾ وَاللَّيْلِ إِذَا يَسْرِ ﴿٤﴾

هَلْ فِي ذَٰلِكَ قَسَمٌ لِّذِي حِجْرٍ ﴿٥﴾

أَلَمْ تَرَ كَيْفَ فَعَلَ رَبُّكَ بِعَادٍ ﴿٦﴾

إِرَمَ ذَاتِ الْعِمَادِ ﴿٧﴾

الَّتِي لَمْ يُخْلَقْ مِثْلُهَا فِي الْبِلَادِ ﴿٨﴾

وَثَمُودَ الَّذِينَ جَابُوا الصَّخْرَ بِالْوَادِ ﴿٩﴾

وَفِرْعَوْنَ ذِي الْأَوْتَادِ ﴿١٠﴾

"Demi waktu fajar(1). Dan demi malam-malam yang sepuluh(2). Dan demi (solat) yang genap dan yang ganjil(3). Dan demi malam ketika ia berlalu(4). Tidakkah sumpahku itu merupakan sumpah (yang mengandungi hikmat) kepada orang-orang yang berakal(5). Tidakkah engkau perhatikan bagaimana Tuhanmu bertindak terhadap kaum 'Ad?(6). Iaitu penduduk negeri Iram yang mempunyai khemah-khemah yang bertiang tinggi(7). Yang tidak pernah diciptakan sepertinya di negeri-negeri yang lain(8). Dan terhadap kaum Thamud yang handal memahat bukit-bukit batu di Wadil-Qura(9). Dan terhadap Fir'aun yang mempunyai binaan-binaan besar yang teguh."(10).

الَّذِينَ طَغَوْا فِي الْبِلَادِ ﴿١١﴾

فَأَكْثَرُوا فِيهَا الْفَسَادَ ﴿١٢﴾

فَصَبَّ عَلَيْهِمْ رَبُّكَ سَوْطَ عَذَابٍ ﴿١٣﴾

إِنَّ رَبَّكَ لَبِالْمِرْصَادِ ﴿١٤﴾

فَأَمَّا الْإِنسَانُ إِذَا مَا ابْتَلَاهُ رَبُّهُ فَأَكْرَمَهُ وَنَعَّمَهُ

فَيَقُولُ رَبِّي أَكْرَمَنِ ﴿١٥﴾

"Mereka semua telah bermaharajalela di negeri masing-masing(11). Dan mereka telah melakukan banyak kerosakan(12). Kerana itu Tuhanmu menimpakan ke atas mereka cemeti 'azab(13). Sesungguhnya Tuhanmu itu sentiasa mengawasi (tindak-tanduk hamba-Nya)(14). Adapun manusia, apabila diuji Tuhannya dengan memberikan kepadanya kemuliaan dan ni'mat-ni'mat (yang mewah), maka dia akan berkata (megah): Tuhanku telah memuliakanku(15).

وَأَمَّا إِذَا مَا ابْتَلَاهُ فَقَدَرَ عَلَيْهِ رِزْقَهُ فَيَقُولُ رَبِّي أَهَانَنِ ﴿١٦﴾

كَلَّا ۖ بَل لَّا تُكْرِمُونَ الْيَتِيمَ ﴿١٧﴾

وَلَا تَحَاضُّونَ عَلَىٰ طَعَامِ الْمِسْكِينِ ﴿١٨﴾

وَتَأْكُلُونَ التُّرَاثَ أَكْلًا لَّمًّا ﴿١٩﴾

وَتُحِبُّونَ الْمَالَ حُبًّا جَمًّا ﴿٢٠﴾

"Dan apabila dia diuji Tuhannya dengan menyempitkan rezekinya, maka dia akan berkata (hampa): Tuhanku telah menghinakanku(16). Tidak sekali-kali begitu! Bahkan kamu tidak memuliakan anak yatim(17). Dan kamu tidak saling menggalak untuk memberi makanan kepada orang miskin(18). Dan kamu makan harta pusaka dengan segala kerakusan(19). Dan kamu cintakan harta kekayaan dengan segala kecintaan." (20).

كَلَّا إِذَا دُكَّتِ الْأَرْضُ دَكًّا دَكًّا ﴿٢١﴾

وَجَاءَ رَبُّكَ وَالْمَلَكُ صَفًّا صَفًّا ﴿٢٢﴾

وَجِيءَ يَوْمَئِذٍ بِجَهَنَّمَ ۚ يَوْمَئِذٍ يَتَذَكَّرُ الْإِنسَانُ

وَأَنَّىٰ لَهُ الذِّكْرَىٰ ﴿٢٣﴾

يَقُولُ يَا لَيْتَنِي قَدَّمْتُ لِحَيَاتِي ﴿٢٤﴾

فَيَوْمَئِذٍ لَّا يُعَذِّبُ عَذَابَهُ أَحَدٌ ﴿٢٥﴾

وَلَا يُوثِقُ وَثَاقَهُۥٓ أَحَدٌ ﴿٢٦﴾

يَٰٓأَيَّتُهَا ٱلنَّفْسُ ٱلْمُطْمَئِنَّةُ ﴿٢٧﴾

ٱرْجِعِىٓ إِلَىٰ رَبِّكِ رَاضِيَةً مَّرْضِيَّةً ﴿٢٨﴾

فَٱدْخُلِى فِى عِبَٰدِى ﴿٢٩﴾ وَٱدْخُلِى جَنَّتِى ﴿٣٠﴾

"Tidak sekali-kali tidak! Apabila bumi telah digegarkan dengan sedahsyat gegaran(21). Dan apabila Tuhanmu tiba dan para malaikat turun berjajar(22). Dan apabila pada hari itu dibawa Neraka Jahannam, maka pada hari itulah baru manusia sedar, tetapi apalah gunanya kesedaran itu?(23). Dia akan merungut: Alangkah bagusnya jika aku telah sediakan amalan amalan yang baik untuk hidupku (di Akhirat)!(24). Pada hari itu, tiada seorang pun yang mengazab sedahsyat 'azab-Nya(25). Dan tiada seorang pun yang Mengikat sedahsyat ikatan-Nya(26). Wahai jiwa yang tenang!(27). Kembalilah kepada Tuhanmu dengan kepuasan dan mendapat keredhaan dari-Nya(28). Dan silalah masuk kedalam kumpulan para hamba kesayangan-Ku(29). Dan silalah masuk ke dalam Syurga-Ku."(30).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah ini pada umumnya merupakan satu siri dari siri-siri Juzu' 'Amma yang sama yang menyeru hati manusia kepada keimanan, ketaqwaan, kesedaran dan renungan, tetapi ia mengandungi berbagai-bagai pengembaraan, nada-nada pernyataan, berbagai-bagai bayangan yang membentuk satu lagu yang bermacam-macam bunyi, tetapi membawa satu rentak irama yang seimbang.

Pemandangan-pemandangan Indah Dan Tenang

Sesetengah pemandangannya menggambarkan keindahan yang tenang, ciri-ciri dan nada-nada pernyataan yang mesra dan lembut seperti ayat-ayat bahagian permulaan yang menayangkan pemandangan-pemandangan alam ibadat solat di celah-celah pemandangan-pemandangan bayangan:

"Demi waktu fajar(1). Dan demi malam-malam yang sepuluh(2). Dan demi (solat) yang genap dan yang ganjil(3). Dan demi malam ketika ia berlalu."(4)

Pemandangan Riuh Rendah

Sesetengah pemandangannya pula menggambar-kan suasana kedahsyatan, riuh rendah dan gegak gempita, baik dari segi pemandangan mahu pun dari segi bunyi kata-katanya seperti pemandangan yang dahsyat dan ngeri ini.

كَلَّآ إِذَا دُكَّتِ ٱلْأَرْضُ دَكًّا دَكًّا ﴿٢١﴾

وَجَآءَ رَبُّكَ وَٱلْمَلَكُ صَفًّا صَفًّا ﴿٢٢﴾

وَجِاىٓءَ يَوْمَئِذٍۭ بِجَهَنَّمَ ۚ يَوْمَئِذٍ يَتَذَكَّرُ ٱلْإِنسَٰنُ

وَأَنَّىٰ لَهُ ٱلذِّكْرَىٰ ﴿٢٣﴾

يَقُولُ يَٰلَيْتَنِى قَدَّمْتُ لِحَيَاتِى ﴿٢٤﴾

فَيَوْمَئِذٍ لَّا يُعَذِّبُ عَذَابَهُۥٓ أَحَدٌ ﴿٢٥﴾

وَلَا يُوثِقُ وَثَاقَهُۥٓ أَحَدٌ ﴿٢٦﴾

"Tidak sekali-kali tidak! Apabila bumi telah digegarkan dengan sedahsyat gegaran(21). Dan apabila Tuhanmu tiba dan para malaikat turun berjajar(22). Dan apabila pada hari itu dibawa Neraka Jahannam, maka pada hari itulah baru manusia sedar, tetapi apalah gunanya kesedaran itu?(23). Dia akan merungut: Alangkah bagusnya jika aku telah sediakan amalan-amalan yang baik untuk hidupku (di Akhirat)!(24). Pada hari itu, tiada seorang pun yang mengazab sedahsyat 'azab-Nya(25). Dan tiada seorang pun yang mengikat sedahsyat ikatan-Nya."(26)

Sesetengah pemandangannya yang lain menggambaikan suasana-suasana kelembutan, ketenangan, keredhaan dan ketenteraman di mana pemandangan-pemandangan dan bunyi kata-kata kelihatan begitu serasi seperti pemandangan di bahagian akhir:

يَٰٓأَيَّتُهَا ٱلنَّفْسُ ٱلْمُطْمَئِنَّةُ ﴿٢٧﴾

ٱرْجِعِىٓ إِلَىٰ رَبِّكِ رَاضِيَةً مَّرْضِيَّةً ﴿٢٨﴾

فَٱدْخُلِى فِى عِبَٰدِى ﴿٢٩﴾ وَٱدْخُلِى جَنَّتِى ﴿٣٠﴾

"Wahai jiwa yang tenang!(27). Kembalilah kepada Tuhanmu dengan kepuasan dan mendapat keredhaan dari-Nya(28). Dan silalah masuk kedalam kumpulan para hamba kesayangan-Ku(29). Dan silalah masuk ke dalam Syurga-Ku."(30)

Di dalam surah ini juga terdapat singgungan-singgungan sepintas lalu terhadap peristiwa-peristiwa kejatuhan dan keruntuhan umat-umat purba yang zalim dan angkuh. Bunyi ayat-ayatnya begitu imbang di antara nada cerita-cerita yang lembut dengan nada-nada kebinasaan yang keras yang dijelaskan dalam ayat-ayat (6 - 14):

أَلَمْ تَرَ كَيْفَ فَعَلَ رَبُّكَ بِعَادٍ ﴿٦﴾

إِرَمَ ذَاتِ ٱلْعِمَادِ ﴿٧﴾

ٱلَّتِى لَمْ يُخْلَقْ مِثْلُهَا فِى ٱلْبِلَٰدِ ﴿٨﴾

وَثَمُودَ ٱلَّذِينَ جَابُوا۟ ٱلصَّخْرَ بِٱلْوَادِ ﴿٩﴾

"Tidakkah engkau perhatikan bagaimana Tuhanmu bertindak terhadap kaum 'Ad?(6). Iaitu penduduk negeri Iram yang mempunyai khemah-khemah yang bertiang tinggi(7). Yang tidak pernah diciptakan sepertinya di negeri-negeri yang lain(8). Dan terhadap kaum Thamud yang handal memahat bukit-bukit batu di Wadil-Qura."(9)

وَفِرْعَوْنَ ذِى ٱلْأَوْتَادِ ﴿١٠﴾ ٱلَّذِينَ طَغَوْا۟ فِى ٱلْبِلَٰدِ ﴿١١﴾

فَأَكْثَرُوا۟ فِيهَا ٱلْفَسَادَ ﴿١٢﴾

فَصَبَّ عَلَيْهِمْ رَبُّكَ سَوْطَ عَذَابٍ ﴿١٣﴾

إِنَّ رَبَّكَ لَبِٱلْمِرْصَادِ ﴿١٤﴾

"Dan terhadap Fir'aun yang mempunyai binaan-binaan besar yang teguh(10). Mereka semua telah bermaharajalela di negeri masing-masing(11). Dan mereka telah melakukan banyak kerosakan(12). Kerana itu Tuhanmu menimpakan ke atas mereka cemeti 'azab(13). Sesungguhnya Tuhanmu itu sentiasa mengawasi (tindak-tanduk hamba-Nya)."(14)

Tanggapan-tanggapan Yang Tidak Berasaskan Keimanan

Di dalam surah ini juga diterangkan persepsi-persepsi manusia dan nilai-nilai pegangannya yang bukan berteraskan keimanan. Penerangan ini mempunyai bentuk pengungkapan dan bunyi nada yang istimewa:

فَأَمَّا ٱلْإِنسَٰنُ إِذَا مَا ٱبْتَلَىٰهُ رَبُّهُۥ فَأَكْرَمَهُۥ وَنَعَّمَهُۥ فَيَقُولُ رَبِّىٓ أَكْرَمَنِ ﴿١٥﴾

وَأَمَّآ إِذَا مَا ٱبْتَلَىٰهُ فَقَدَرَ عَلَيْهِ رِزْقَهُۥ فَيَقُولُ رَبِّىٓ أَهَٰنَنِ ﴿١٦﴾

"Adapun manusia, apabila diuji Tuhannya dengan memberikan kepadanya kemuliaan dan ni'mat-ni'mat, maka dia akan berkata (megah): Tuhanku telah memuliakanku(15). Dan apabila dia diuji Tuhannya dengan menyempitkan rezekinya, maka dia akan berkata (hampa): Tuhanku telah menghinakanku."(16)

Kemudian Allah memberikan jawapan-jawapan terhadap persepsi-persepsi yang salah itu dengan menerangkan hakikat keadaan diri mereka yang sebenar yang menjadi punca lahirnya persepsi-persepsi yang salah itu melalui dua ragam ungkapan:

كَلَّا ۖ بَل لَّا تُكْرِمُونَ ٱلْيَتِيمَ ﴿١٧﴾

وَلَا تَحَٰٓضُّونَ عَلَىٰ طَعَامِ ٱلْمِسْكِينِ ﴿١٨﴾

وَتَأْكُلُونَ ٱلتُّرَاثَ أَكْلًا لَّمًّا ﴿١٩﴾

وَتُحِبُّونَ ٱلْمَالَ حُبًّا جَمًّا ﴿٢٠﴾

"Tidak sekali-kali begitu! Bahkan kamu tidak memuliakan anak yatim(17). Dan kamu tidak saling menggalak untuk memberi makanan kepada orang miskin(18). Dan kamu makan harta pusaka dengan segala kerakusan(19). Dan kamu cintakan harta kekayaan dengan segala kecintaan."(20)

Di sini dapat diperhatikan bahawa ragam pengungkapan yang akhir ini merupakan jambatan yang menghubungkan di antara penjelasan mengenai keadaan mereka dengan penjelasan mengenai nasib kesudahan yang menunggu mereka, kerana selepas itu datang ayat:

كَلَّآ إِذَا دُكَّتِ ٱلْأَرْضُ دَكًّا دَكًّا ﴿٢١﴾

"Tidak sekali-kali tidak! Apabila bumi telah digegarkan dengan sedahsyat gegaran(21)

Gaya Pengungkapan Yang Indah

Ia merupakan nada pertengahan dalam kekerasan bunyi di antara bunyi penjelasan yang pertama dengan bunyi ancaman yang akhir.

Dari tayangan yang sepintas lalu ini, terdapat berbagai-bagai pemandangan yang beraneka warna di dalam surah ini serta berbagai-bagai nada dan rentak bunyi pengungkapannya dan berbagai-bagai gaya ceraian kata dan perubahan-perubahan akhir kata yang sama sesuai dengan tujuan-tujuan dan pemandangan-pemandangan yang dibentangkan itu, kerana itu surah ini dari aspek ini merupakan contoh yang sempurna bagi keserasian yang cantik dalam pengungkapan Al-Qur'an[1]. Di samping itu surah ini pada keseluruhannya memperlihatkan pengungkapan yang amat indah dan menarik.

Pokok-pokok pembicaraan yang dibawa oleh pengungkapan-pengungkapan Al-Qur'an yang indah dan seimbang itu adalah dibentangkan dengan terperinci seperti berikut:

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 5)

وَٱلْفَجْرِ ﴿١﴾ وَلَيَالٍ عَشْرٍ ﴿٢﴾

وَٱلشَّفْعِ وَٱلْوَتْرِ ﴿٣﴾ وَٱلَّيْلِ إِذَا يَسْرِ ﴿٤﴾

هَلْ فِى ذَٰلِكَ قَسَمٌ لِّذِى حِجْرٍ ﴿٥﴾

"Demi waktu fajar(1). Dan demi malam-malam yang sepuluh(2). Dan demi (solat) yang genap dan yang ganjil(3). Dan demi malam ketika ia berlalu(4). Tidakkah sumpahku itu merupakan sumpah (yang mengandungi hikmat) kepada orang-orang yang berakal."(5)

Alam Di Waktu Fajar

Dalam bahagian permulaan surah ini, Allah bersumpah dengan pemandangan-pemandangan dan makhluk-makhluk yang mempunyai roh-roh yang halus lemah-lembut dan mesra:

---

1 *Lihat bab* التناسق الفني *dalam buku* التصوير الفني في القرآن.

"Demi waktu fajar."(1)

Waktu fajar merupakan detik waktu hidup yang mula menggerakkan nafasnya dalam suasana tenang, gembira, senyum mesra dan ketika seluruh alam yang sedang lena itu perlahan-lahan bangkit dari tidurnya, di mana bunyi nafasnya seolah-olah bisikan-bisikan munajat dan detik-detik pembukaan matanya seolah-olah detik-detik berdo'a dan memanjat permohonan. Kemudian:

"Dan demi malam-malam yang sepuluh."(2)

Apakah Yang Dimaksudkan Dengan Malam Yang Sepuluh?

Walaupun Al-Qur'an menyebut **"malam-malam yang sepuluh"** itu secara umum namun terdapat riwayat-riwayat yang menentukannya. Menurut satu riwayat yang dimaksudkan dengan malam-malam yang sepuluh itu ialah sepuluh malam dari bulan Zulhijjah, dan mengikut riwayat yang lain pula ialah sepuluh malam dari bulan Muharram dan dalam satu riwayat lagi ialah sepuluh malam dari bulan Ramadhan. Walau bagaimanapun mengekalkan **"malam-malam yang sepuluh"** dalam pengertiannya yang umum itu lebih mendalam keberkesanannya dan lebih lunak ertinya iaitu sepuluh malam yang berada dalam ilmu Allah dan dipandang mulia di sisi-Nya. Ia menggambarkan bayangan malam-malam yang berperibadi istimewa seolah-olah malam-malam itu merupakan makhluk-makhluk hidup yang bernyawa yang saling bermesra dengan kita dalam pengungkapan Al-Qur'an yang lemah-lembut itu.

"Dan demi (solat) yang genap dan yang ganjil."(3)

Solat Yang Genap Dan Solat yang Ganjil Bilangan Rakaatnya

Ayat ini menggambarkan solat dan ibadat dalam suasana mesra iaitu suasana waktu fajar dan malam-malam yang sepuluh. Tersebut di dalam hadith:

ومن الصلاة الشفع والوتر – (أخرجه الترمذي)

"Dari ibadat solat, ada yang genap dan ada yang ganjil (yakni bilangan rakaatnya)."

Inilah pengertian yang paling sesuai di dalam suasana ini. Di sini roh ibadat yang khusyu' bertemu dengan roh alam yang tenang tenteram, dan di sini juga roh orang-orang yang beribadat, berdialog dengan roh-roh malam yang terpilih di sisi Allah dan dengan roh waktu fajar yang terserlah gemilang.

"Dan demi malam ketika ia berlalu."(4)

Malam Digambarkan Sebagai Perantau Dalam Perjalanan

Malam di sini digambarkan sebagai satu makhluk yang hidup yang berlalu di alam seolah-olah pengawal yang meronda di dalam gelap atau seolah-olah perantau yang memilih waktu malam sebagai masa perjalanannya yang jauh. Alangkah indah ungkapannya, alangkah mesra pemandangan dan alangkah cantik bunyi kata-katanya dan alangkah seimbangnya pula dengan suasana-suasana waktu wajar, malam-malam yang sepuluh, ibadat solat yang genap dan yang ganjil!

Semuanya itu bukannya sekadar kata-kata dan ungkapan-ungkapan sahaja, malah ia merupakan hembusan bayu-bayu waktu fajar dan titis-titis embun yang semerbak harum, atau ia merupakan bisikan mesra kepada hati dan rayuan yang gemulai kepada roh atau sentuhan yang penuh erti kepada hati nurani insan.

Ia merupakan gambaran keindahan yang menarik, yang membisik-bisik lembut dan penuh mesra, satu keindahan yang tidak dapat dibandingkan dengan keindahan persepsi-persepsi penyajak yang bebas, kerana ia merupakan satu keindahan kreatif yang sekaligus menggambarkan hakikat yang benar. Oleh sebab itulah pada akhir ayat diiringi dengan pertanyaan:

هَلْ فِي ذَٰلِكَ قَسَمٌ لِّذِي حِجْرٍ ﴿٥﴾

"Tidakkah sumpahku itu merupakan sumpah (yang mengandungi hikmat) kepada orang-orang yang berakal."(5)

Ini satu pertanyaan untuk menegakkan hakikat bahawa sumpah dengan kejadian-kejadian itu merupakan sumpah yang penuh erti dan meyakinkan kepada setiap orang yang berakal fikiran. Penggunaan bentuk pertanyaan untuk menegakkan hakikat itu adalah lebih halus dan sesuai dengan suasana lembut dan membisik dalam ayat-ayat ini.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 6 - 14)

Adapun objek yang menjadi sasaran sumpah ini tidak lagi dijelaskan untuk ditafsirkannya selepas ini, iaitu isu kezaliman, pencabulan, kerosakan dan tindakan Allah menimpakan balasan-Nya ke atas mereka yang melakukan kezaliman dan kerosakan itu. Ia merupakan isu yang benar berlaku, dijadikan objek sumpah itu dalam bentuk sindiran yang sesuai pada umumnya dengan sentuhan-sentuhan surah yang ringan ini:

إِرَمَ ذَاتِ ٱلۡعِمَادِ ﴿٧﴾

ٱلَّتِي لَمۡ يُخۡلَقۡ مِثۡلُهَا فِي ٱلۡبِلَٰدِ ﴿٨﴾

وَثَمُودَ ٱلَّذِينَ جَابُواْ ٱلصَّخۡرَ بِٱلۡوَادِ ﴿٩﴾

"Tidakkah engkau perhatikan bagaimana Tuhanmu bertindak terhadap kaum 'Ad?(6). Iaitu penduduk negeri Iram yang mempunyai khemah-khemah yang bertiang tinggi(7). Yang tidak pernah diciptakan sepertinya di negeri-negeri yang lain(8). Dan terhadap kaum Thamud yang handal memahat bukit-bukit batu di Wadil-Qura."(9)

وَفِرۡعَوۡنَ ذِي ٱلۡأَوۡتَادِ ﴿١٠﴾

ٱلَّذِينَ طَغَوۡاْ فِي ٱلۡبِلَٰدِ ﴿١١﴾

فَأَكۡثَرُواْ فِيهَا ٱلۡفَسَادَ ﴿١٢﴾

فَصَبَّ عَلَيۡهِمۡ رَبُّكَ سَوۡطَ عَذَابٍ ﴿١٣﴾

إِنَّ رَبَّكَ لَبِٱلۡمِرۡصَادِ ﴿١٤﴾

"Dan terhadap Fir'aun yang mempunyai binaan-binaan besar yang teguh(10). Mereka semua telah bermaharajalela di negeri masing-masing(11). Dan mereka telah melakukan banyak kerosakan(12). Kerana itu Tuhanmu menimpakan ke atas mereka cemeti 'azab(13). Sesungguhnya Tuhanmu itu sentiasa mengawasi (tindak-tanduk hamba-Nya)."(14)

Penggunaan ungkapan pertanyaan dalam persoalan-persoalan seperti ini lebih membangkitkan kesedaran dan perhatian. Ayat-ayat ini pada mulanya ditujukan kepada Nabi s.a.w., kemudian kepada siapa sahaja yang dapat memahami dan meneliti kejatuhan dan kebinasaan umat-umat yang diketahui oleh generasi yang mula-mula menerima Al-Qur'an ini, juga kebinasaan yang telah dibuktikan oleh kesan-kesan sejarah dan cerita-cerita yang masih kekal dihikayatkan oleh generasi-generasi yang silih berganti. Kata-kata:

"Bagaimana Tuhanmu bertindak?"(6)

Kebinasaan Umat 'Ad Dan Thamud

yang menghubungkan tindakan itu kepada Allah menyerapkan perasaan tenteram mesra dan tenang ke dalam hati orang-orang Mu'min, terutama mereka yang sedang menderita di Makkah di bawah penindasan dan kekejaman orang-orang Musyrikin yang zalim dan kejam yang menentang da'wah dan mengawasi setiap langkah penda'wah.

Di dalam ayat-ayat yang pendek itu, Allah kumpulkan semua kisah kejatuhan dan kebinasaan umat-umat yang paling kejam yang dikenali dalam sejarah purba, iaitu kisah kebinasaan umat 'Ad di Iram iaitu umat 'Ad yang pertama. Menurut satu pendapat, mereka adalah dari bangsa Arab tulen atau bangsa Arab di padang gurun. Tempat kediaman mereka ialah di al-Ahqaf, iaitu kawasan bukit pasir di selatan Semenanjung Tanah Arab di antara Hadhramaut dan negeri Yaman. Mereka adalah kaum Badwi yang tinggal di khemah-khemah yang ditegakkan di atas tiang-tiang yang tinggi. Mereka telah disifatkan oleh Al-Qur'an sebagai umat yang gagah dan ganas. Di zaman itu, suku 'Ad merupakan suku yang paling kuat dan terkenal:

"Yang tidak pernah diciptakan sepertinya di negeri-negeri yang lain(8). Dan terhadap kaum Thamud yang handal memahat bukit-bukit batu di Wadil-Qura."(9)

Kaum Thamud tinggal di al-Hijr di utara Semenanjung Tanah Arab di antara Madinah dan Syam. Mereka telah memotong batu-batu bukit untuk membuat istana-istana, dan mereka juga memahat bukit-bukit batu untuk dijadikan rumah-rumah kediaman dan gua-gua.

Kebinasaan Fir'aun

"Dan terhadap Fir'aun yang mempunyai binaan-binaan besar yang teguh."(10)

Menurut pendapat yang terkuat, yang dimaksudkan dengan binaan-binaan besar yang teguh itu ialah binaan-binaan Ahram (piramid) yang berbentuk seperti pasak yang teguh kukuh di bumi. Raja Fir'aun yang dimaksudkan di sini ialah Raja Fir'aun yang zalim di zaman Nabi Musa a.s.

"Mereka semua telah bermaharajalela di negeri masing-masing(11). Dan mereka telah melakukan banyak kerosakan."(12)

Pemerintahan Yang Zalim Merosakkan Seluruh Kehidupan

Tidak ada di sebalik kemaharajalelaan dan kezaliman itu melainkan ialah kerosakan. Kemaharajalelaan itulah yang merosakkan pemerintah yang zalim dan merosakkan orang-orang yang ditimpa kemaharajalelaan itu. Begitulah juga ia merosakkan perhubungan-perhubungan dalam semua bidang kehidupan. Ia mengubahkan kehidupan manusia dari garisnya yang sihat, bersih dan membina kepada satu garis yang lain yang membuat khilafah manusia di bumi sama sekali tidak dapat ditegakkan.

Kemaharajalelaan membuat pemerintah yang zalim itu tunduk kepada hawa nafsunya, kerana ia tidak pernah merujukkan kepada satu neraca pertimbangan yang tetap, dan tidak pernah berhenti di garis batasan yang jelas. Kerana itu dialah sendiri yang pertama menjadi korban kerosakan. Ia meletakkan dirinya di bumi bukan lagi di tempat seorang hamba yang dilantikkan Allah sebagai khalifah, kerana itu Fir'aun pernah berkata kepada rakyat jelatanya:

"Akulah Tuhan kamu Yang Maha Tinggi."

(Surah an-Naazi'aat: 24)

Kata-kata ini diucapkan setelah ia dirosakkan oleh kezaliman dan kemaharajalelaannya sendiri, dan melampaui batas seorang hamba selaku makhluk Allah hingga tergamak membuat dakwaan yang keji itu. Itulah kemuncak kerosakan.

Kemaharajalelaan dan kezaliman pemerintah juga membuat rakyat jelata menjadi abdi yang hina dan membuat mereka menyimpan dendam kesumat yang terpendam, kerana itu perasaan-perasaan kehormatan insaniyah dan bakat-bakat daya cipta mereka yang bebas akan menjadi lumpuh, kerana bakat-bakat itu hanya dapat berkembang dalam suasana yang bebas sahaja. Jiwa manusia yang dihina itu akan menjadi busuk dan menjadi tanah subur bagi pembiakan ulat-ulat nafsu syahwat yang rendah dan keinginan-keinginan yang tidak sihat, juga menjadi gelanggang berbagai-bagai penyelewengan, dan seterusnya menyebabkan lenyapnya hati nurani dan ketajaman akal fikiran, dan hilangnya semangat dermawan, hemah yang tinggi dan cita-cita yang luhur. Itulah kemuncak kerosakan.

Kemaharajalelaan dan kezaliman pemerintah itu juga menghancurleburkan segala neraca pertimbangan, segala nilai dan segala pemandangan yang lurus dan jujur, kerana neraca-neraca, nilai-nilai dan pandangan-pandangan yang saksama itu merupakan ancaman dan bahaya kepada pemerintah-pemerintah yang zalim. Oleh sebab itu neraca-neraca dan nilai-nilai yang benar itu perlu dipalsukan, dan pandangan-pandangan yang lurus itu perlu diselewengkan supaya ia dapat menerima gambaran kezaliman yang buruk itu. Itulah kemuncak kerosakan.

Cemeti Allah Membelasah Setiap Orang Yang Zalim

Apabila pemerintah-pemerintah yang bermaharaja-lela melakukan berbagai-bagai kerosakan dan kejahatan, maka ubatnya tidak lain dan tidak bukan melainkan permukaan bumi ini harus dibersihkan dari segala kerosakan itu.

"Kerana itu Tuhanmu menimpakan ke atas mereka cemeti 'azab.(13) Sesungguhnya Tuhanmu itu sentiasa mengawasi (tindak-tanduk hamba-Nya)."(14)

Tuhanmu sentiasa mengamati mereka dan merakamkan segala tindak-tanduk mereka, dan apabila kerosakan dan kejahatan itu semakin banyak, maka Allah menimpakan ke atas mereka, cemeti 'azab yang membinasakan mereka. Ungkapan ini menimbulkan rasa kesakitan digigit sebatan cemeti apabila ia menyebut kata-kata **"cemeti"** dan menimbulkan rasa di selubungi 'azab apabila ia menyebut kata-kata **"menimpakan ke atas mereka."** Di sini kesakitan yang pedih bercampur dengan rasa diselubungi keseksaan yang menimpa orang-orang yang zalim dan bermaharajalela yang melakukan berbagai-bagai kerosakan dan kejahatan di bumi.

Cerita-cerita kebinasaan umat-umat yang zalim itu mencurahkan rasa ketenangan dan ketenteraman ke dalam hati orang Mu'min yang sedang menghadapi penindasan dan kezaliman di setiap zaman dan tempat.

"Sesungguhnya Tuhanmu itu sentiasa mengawasi (tindak-tanduk hamba-Nya.)"(14)

Ayat ini melimpahkan suatu perasaan ketenteraman yang istimewa, kerana Tuhanmu adalah Pengawal dan Pemerhati yang tiada suatu pun yang terlepas atau terluput dari kawalan dan pemerhatiannya. Justeru itu setiap Mu'min harus bertenang dan meni'mati tidur nyenyak sepenuh mata, kerana Allah sentiasa mengawasi kezaliman, kejahatan dan kerosakan.

Demikianlah kita dapat melihat contoh-contoh perencanaan Ilahi di dalam urusan da'wah selain dari contoh yang dikemukakan dalam Surah al-Buruj mengenai pembesar-pembesar yang menyeksa manusia dalam parit-parit api, dan dengan contoh-contoh inilah Al-Qur'an telah dan akan terus mendidik orang-orang Mu'min supaya bertenang dan menyerahkan segala-galanya kepada perencanaan Allah yang mengatur segala sesuatu mengikut iradat-Nya.

* * * * * *

"Sesungguhnya Tuhanmu itu sentiasa mengawasi (tindak-tanduk hamba-Nya)."(14)

Dialah yang melihat, menghisab dan menentukan balasan mengikut pertimbangan neraca yang halus yang tidak pernah salah, tidak pernah zalim dan tidak pernah terpengaruh kepada rupa bentuk yang lahir, malah yang menjadi perhitungannya ialah hakikat yang benar di dalam segala perkara. Ini berlainan dengan manusia yang selalu membuat pertimbangan-pertimbangan yang salah dan penilaian-penilaian

yang menyeleweng. Mereka tidak nampak melainkan rupa bentuk yang lahir sahaja selama mereka tidak berhubung dengan neraca Allah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 15 - 16)

فَأَمَّا ٱلْإِنسَٰنُ إِذَا مَا ٱبْتَلَىٰهُ رَبُّهُۥ فَأَكْرَمَهُۥ وَنَعَّمَهُۥ فَيَقُولُ رَبِّىٓ أَكْرَمَنِ ﴿١٥﴾

وَأَمَّآ إِذَا مَا ٱبْتَلَىٰهُ فَقَدَرَ عَلَيْهِ رِزْقَهُۥ فَيَقُولُ رَبِّىٓ أَهَٰنَنِ ﴿١٦﴾

"Adapun manusia, apabila diuji Tuhannya dengan memberikan kepadanya kemuliaan dan ni'mat-ni'mat (yang mewah), maka dia akan berkata (megah): Tuhanku memuliakanku(15). Dan apabila dia diuji Tuhannya dengan menyempitkan rezekinya, maka dia akan berkata (hampa): Tuhanku telah menghinakanku."(16)

Kefahaman Yang Salah Terhadap Ujian Allah

Inilah kefahaman atau persepsi manusia terhadap ujian-ujian Allah ke atas mereka dalam bentuk kesenangan dan kesusahan hidup, keluasan dan kesempitan mata pencarian. Mereka diuji dengan ni'mat dan kemuliaan, dengan harta dan pangkat, tetapi mereka tidak sedar bahawa semuanya itu hanya suatu ujian dari Allah dengan tujuan untuk menentukan balasan, tetapi mereka menyangka bahawa rezeki yang mewah dan pangkat yang tinggi itu merupakan bukti bahawa mereka memang wajar di sisi Allah untuk menerima kemuliaan itu atau merupakan tanda bahawa mereka telah dipilih Allah, kerana itu mereka menganggapkan ujian dan dugaan itu sebagai balasan dan hasil natijah, dan mereka mengukur darjat kemuliaan di sisi Allah itu dengan keluasan hidup dunia. Dan jika Allah menguji mereka dengan kesempitan mata pencarian, mereka terus menganggapkannya sebagai balasan dan hukuman dari Allah. Mereka memandang kesempitan rezeki sebagai suatu penghinaan dari Allah, kerana pada hemat mereka jika Allah tidak mahu menghinakan mereka, tentulah la tidak menyempitkan rezeki mereka.

Kedua-dua kefahaman dan penilaian itu adalah salah belaka, kerana keluasan atau kesempitan rezeki merupakan ujian Allah terhadap hamba-Nya, sama ada mereka memperlihatkan kesyukuran atau keangkuhan terhadap ni'mat itu, dan sama ada mereka memperlihatkan kesabaran atau kebosanan terhadap kesempitan hidup itu, sedangkan balasan ditetapkan kemudian mengikut sikap yang diperlihatkannya. Bukanlah segala pemberian atau penahanan ni'mat-ni'mat dunia itu merupakan balasan dari Allah, kerana nilai seseorang hamba di sisi Allah sama sekali tidak bergantung kepada harta benda atau keluasan hidup dunia yang dimilikinya. Keredhaan dan kemurkaan Allah tidak boleh dicam dari pemberian dan penahanan rezeki yang limpah dalam kehidupan dunia, kerana Allah mengurniakan pemberian-Nya kepada siapa sahaja, sama ada kepada orang yang baik atau kepada orang yang tidak baik, dan la juga menahankan pemberian-Nya kepada siapa sahaja, sama ada kepada orang yang baik atau kepada orang yang tidak baik. Yang menjadi pokok pegangan ialah Allah mengurniakan pemberian-Nya untuk menguji, dan menahankan pemberian-Nya juga untuk menguji. Jadi yang dikira dan dipegang ialah hasil dari ujian itu.

Tetapi manusia, apabila hatinya kosong dari iman, tidak dapat memahami hikmat pemahanan dan pemberian ni'mat dan rezeki itu, dan tidak dapat memahami hakikat nilai dalam neraca pertimbangan Allah. Sebaliknya, apabila hatinya dipenuhi keimanan, ia akan berhubung dengan Allah dan akan memahami hikmat di sebalik pemberian dan penahanan ni'mat-ni'mat itu. Kerana itu ni'mat-ni'mat dunia dipandang ringan dalam pertimbangannya. Ia juga sedar terhadap balasan di sebalik ujian itu, kerana itu ia terus berbakti kepada Allah, sama ada di dalam kesenangan atau kesusahan. Ia mengambil sikap bertenang dengan taqdir Allah terhadap dirinya, sama ada di dalam kesenangan atau kesusahan, dan ia mengenal kadar dirinya di dalam neraca pertimbangan Allah tanpa memandang kepada nilai-nilai ni'mat dunia yang lahir dan kosong itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 17 - 20)

Punca Kefahaman Yang Salah

Dahulu Al-Qur'an menujukan ayat-ayat ini di Makkah kepada segolongan manusia yang boleh didapati dalam setiap masyarakat jahiliyah yang putus hubungannya dengan alam yang lebih tinggi dan lebih luas dari alam bumi, iaitu golongan manusia yang membuat sangkaan yang salah terhadap Tuhan mereka apabila Dia meluas dan menyempitkan rezeki mereka, juga membuat penilaian yang salah terhadap harga manusia di bumi. Bagi mereka harta kekayaan dan pangkat kebesaran itulah yang menjadi ukuran segala-galanya. Tiada lagi ukuran yang lebih tinggi dari harta kekayaan dan pangkat kebesaran, kerana itu mereka begitu haloba merebut kekayaan dan begitu cinta kepada harta mereka, dan kerana itu mereka mewarisi sifat tamak, rakus, bakhil dan kikir. Justeru itulah Allah mendedahkan rahsia hati mereka dan menjelaskan bahawa sifat tamak haloba dan bakhil itulah yang menjadi punca kesilapan mereka dalam memahami hikmat ujian Allah di sebalik perluasan dan penyempitan rezeki mereka.

كَلَّا ۖ بَل لَّا تُكْرِمُونَ ٱلْيَتِيمَ ﴿١٧﴾

وَلَا تَحَٰٓضُّونَ عَلَىٰ طَعَامِ ٱلْمِسْكِينِ ﴿١٨﴾

وَتَأْكُلُونَ ٱلتُّرَاثَ أَكْلًا لَّمًّا ﴿١٩﴾

وَتُحِبُّونَ ٱلْمَالَ حُبًّا جَمًّا ﴿٢٠﴾

"Tidak sekali-kali begitu, bahkan kamu tidak memuliakan anak yatim(17). Dan kamu tidak saling menggalak untuk memberi makanan kepada orang miskin(18). Dan kamu makan harta pusaka dengan segala kerakusan(19). Dan kamu cintakan harta kekayaan dengan segala kecintaan."(20)

Tidak sekali-kali begitu, hakikat yang sebenar bukan seperti yang dikatakan oleh manusia yang kosong dari iman, itu. Keluasan rezeki bukannya bukti seorang itu dimuliakan di sisi Allah, begitu juga kesempitan rezeki bukannya bukti ia dihinakan di sisi Allah. Hakikat yang sebenar ialah kerana kamu tidak menunaikan kewajipan memberi derma dan tidak membayar hak yang wajar di atas harta kekayaan kamu, kamu tidak memuliakan anak yatim yang masih kecil yang telah kehilangan penaung dan pemeliharanya apabila ia ditinggalkan orang tuanya, dan kamu juga tidak berusaha menggalakkan kerjasama untuk memberi makanan kepada orang-orang miskin. Mereka sabar dan tidak mengemis di sana sini sedangkan mereka amat memerlukan bantuan, Allah mengirakan perbuatan meninggalkan usaha menggalakkan kerjasama untuk memberi makanan kepada orang-orang miskin itu sebagai perbuatan yang amat keji. Allah juga menyarankan betapa perlunya gerakan takaful sosial untuk mengarah dan memimpin orang ramai menunaikan kewajipan sosial dan kebajikan umum. Inilah ciri ajaran Islam.

Kamu tidak mengerti makna ujian Allah, dan kamu tidak pernah mencuba untuk berjaya di dalam ujian itu dengan memuliakan anak yatim dan dengan usaha menggalakkan kerjasama untuk memberi makanan kepada orang-orang miskin. Bahkan kamu sebaliknya makan harta pusaka dengan segala kerakusan, dan cintakan harta kekayaan dengan sepenuh hati hingga tidak ada lagi di dalam jiwa kamu semangat dermawan dan murah hati terhadap golongan yang memerlukan bantuan dan makanan.

Sebagaimana telah dijelaskan sebelum ini bahawa Islam di negeri Makkah sedang menghadapi golongan manusia yang tamak mengumpulkan harta kekayaan dengan segala cara dan usaha yang menyebabkan hati mereka jadi keras dan kejam. Kelemahan anak-anak yatim telah menggalakkan mereka untuk merampas harta benda mereka dengan berbagai-bagai tipu helah terutama anak-anak yatim perempuan dan terutama harta kekayaan yang ada kaitan dengan pusaka (sebagaimana telah dijelaskan di berbagai-bagai tempat dalam tafsir ini). Kecintaan kepada harta dan usaha mengumpulkan kekayaan dengan mu'amalah riba merupakan satu gejala yang amat ketara di dalam masyarakat Makkah sebelum Islam. Dan itulah ciri masyarakat-masyarakat jahiliyah di sebap zaman dan tempat hingga ke zaman sekarang.

Selain dari mendedahkan rahsia hati mereka yang sebenar, maka ayat-ayat ini merupakan kecaman dan sangkalan terhadap sikap yang seperti ini dengan mengulangi kata كلا (tidak sekali-kali begitu). Kecaman itu juga dapat dilihat pada susunan ungkapan-ungkapan dan nada-nadanya yang melukiskan kerakusan dan ketamakan mereka:

"Dan kamu makan harta pusaka dengan segala kerakusan."(19)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 21 - 26)

Suasana Gawat Pada Hari Qiamat

Setelah Al-Qur'an mendedahkan sikap mereka yang keji dan setelah menerangkan kefahaman mereka yang salah terhadap ujian Allah yang memberi ni'mat rezeki atau menahan pemberian ni'mat itu, maka ia mengemukakan pula ancaman ngeri dengan Hari Balasan dan hakikatnya selepas manusia diuji dan diketahui natijahnya dalam satu nada pernyataan yang keras:

كَلَّآ إِذَا دُكَّتِ ٱلۡأَرۡضُ دَكّٗا دَكّٗا ﴿٢١﴾

وَجَآءَ رَبُّكَ وَٱلۡمَلَكُ صَفّٗا صَفّٗا ﴿٢٢﴾

وَجِاْيٓءَ يَوۡمَئِذِۭ بِجَهَنَّمَۚ يَوۡمَئِذٖ يَتَذَكَّرُ ٱلۡإِنسَٰنُ وَأَنَّىٰ لَهُ ٱلذِّكۡرَىٰ ﴿٢٣﴾

يَقُولُ يَٰلَيۡتَنِي قَدَّمۡتُ لِحَيَاتِي ﴿٢٤﴾

فَيَوۡمَئِذٖ لَّا يُعَذِّبُ عَذَابَهُۥٓ أَحَدٞ ﴿٢٥﴾

وَلَا يُوثِقُ وَثَاقَهُۥٓ أَحَدٞ ﴿٢٦﴾

"Tidak sekali-kali tidak, apabila bumi telah digegarkan dengan sedahsyat gegaran(21). Dan apabila Tuhanmu tiba dan para malaikat turun berjajar(22). Dan apabila pada hari itu dibawa Neraka Jahannam, maka pada hari itulah baru manusia sedar, tetapi apalah gunanya kesedaran itu?(23). Dia akan merungut: Alangkah bagusnya jika aku telah sediakan amalan-amalan yang baik untuk hidupku (di Akhirat)!(24) Pada hari itu, tiada seorang pun yang mengazab sedahsyat 'azab-Nya(25). Dan tiada seorang pun yang mengikat sedahsyat ikatan-Nya."(26)

Gegaran atau gempa bumi yang dahsyat itu akan menghancurleburkan tetanda bumi dan meranapkannya. Ia merupakan salah satu perubahan besar alam yang berlaku pada Hari Qiamat. Kehadiran Allah dan para malaikat yang berjajar itu merupakan satu perkara ghaib yang kita tidak ketahui hakikatnya selama kita masih berada di bumi ini, tetapi ungkapan ayat-ayat ini menjadikan kita benar-benar merasa kebesaran dan kehebatan hari itu. Begitu juga perkara pembawaan Neraka pada hari itu kita ambil dengan erti Neraka itu amat dekat kepada mereka atau

orang-orang yang akan diseksa itu didekatkan kepada Neraka. Cukuplah sekadar ini sahaja. Adapun hakikat dan cara yang sebenar yang akan berlaku pada hari itu, maka ia merupakan perkara-perkara ghaib yang disimpankan Allah untuk Hari Qiamat.

Dari ungkapan ayat-ayat ini dan dari irama-iramanya yang keras itu ternampaklah satu pemandangan yang mengerikan hati dan melayukan mata ketika bumi digegarkan dengan gempa-gempa yang amat dahsyat dan ketika Allah Yang Maha Kuasa bertajalli memegang teraju urusan pengadilan dan hukuman, ketika para malaikat berdiri belajar dan ketika Neraka dibawa ke sana dalam keadaan siap-siaga:

وَجِاْيٓءَ يَوْمَئِذٍۭ بِجَهَنَّمَۚ يَوْمَئِذٍ يَتَذَكَّرُ ٱلْإِنسَٰنُ وَأَنَّىٰ لَهُ ٱلذِّكْرَىٰ ﴿٢٣﴾

"Dan apabila pada hari itu dibawa Neraka Jahannam, maka pada hari itulah baru manusia sedar, tetapi apalah gunanya kesedaran itu."(23)

Keinsafan Yang Terlewat Masanya Tidak Berguna

Manusia yang lalai dari hikmat ujian Allah yang menahan dan melimpahkan rezeki, manusia yang telah makan harta pusaka dengan segala kerakusan, manusia yang cintakan kepada harta kekayaannya dan tidak memulia akan anak-anak yatim dan tidak pula menggalakkan orang-orang lain supaya memberi makan kepada orang-orang miskin, manusia yang bertindak zalim, melampau, melakukan berbagai-bagai kerosakan dan berpaling dari iman.... pada hari itu barulah ia teringat kepada ajaran yang benar dan insaf terhadap apa yang dilihat dengan mata kepalanya, tetapi sayang, waktu telah luput, kerana itu:

"Apalah gunanya kesedaran itu."(23)

Masa untuk mencari keinsafan telah berlalu dan ia tidak akan kembali memberi faedah kepada sesiapa pun pada Hari Balasan itu. Ia akan menjadi satu penyesalan yang besar, kerana kehilangan peluang menyediakan amalan semasa berada di dunia.

Apabila hakikat ini terbentang jelas kepadanya:

"Dia akan merungut, alangkah bagusnya jika aku telah sediakan amalan-amalan yang baik untuk hidupku (di Akhirat)!"(24)

Alangkah bahagianya jika aku telah membuat persediaan dengan amalan yang salih untuk kehidupanku di negeri Akhirat, kerana hidup di negeri Akhirat inilah merupakan hidup hakiki yang wajar dengan nama hidup, yang wajar dibuat persediaan dan bekalan untuk menghadapinya. Alangkah bahagianya aku jika ... ! Itulah angan-angan yang membayangkan penyesalan yang jelas, dan itulah sahaja kemuncak yang dapat dilakukan oleh seseorang pada hari Akhirat. Kemudian Al-Qur'an menggambarkan untung nasib mereka setelah mereka meluahkan penyesalan dan angan-angan yang kosong:

فَيَوْمَئِذٍ لَّا يُعَذِّبُ عَذَابَهُۥٓ أَحَدٌ ﴿٢٥﴾ وَلَا يُوثِقُ وَثَاقَهُۥٓ أَحَدٌ ﴿٢٦﴾

"Pada hari itu, tiada seorang pun yang mengazab sedahsyat 'azab-Nya(25). Dan tiada seorang pun yang mengikat sedahsyat ikatan-Nya."(26)

'Azab Yang Tiada Tolok Bandingnya

Itulah Allah Yang Maha Gagah Kuasa yang akan menyeksakan mereka dengan penyeksaan yang tidak ada tolok bandingnya, dan yang akan mengikat dan membelenggu mereka dengan pembelengguan yang tidak pernah dilakukan oleh sesiapapun. Gambaran penyeksaan dan pembelengguan Allah telah diterangkan dengan panjang lebar di dalam surah-surah lain yang menayangkan berbagai-bagai pemandangan di Hari Qiamat, sedangkan dalam surah ini gambaran penyeksaan dan pembelengguan itu hanya disebut secara umum dan disifatkan sebagai sesuatu yang unik yang tidak dapat dibandingkan dengan cara-cara penyeksaan dan pembelengguan yang dilakukan manusia. Penerangan ini sejajar dengan penerangan mengenai kekejaman manusia-manusia zalim yang diwakili oleh kaum 'Ad, Thamud dan Fir'aun yang telah diterangkan di dalam surah ini. Mereka telah melakukan, berbagai-bagai kerosakan dan kejahatan di muka bumi termasuk menyeksa dan mengikat manusia dengan rantai dan belenggu. Ayat-ayat ini seolah-olah berkata: "Wahai Nabi! Wahai orang-orang Mu'min! Inilah Tuhanmu yang akan menyeksa dan membelenggu orang-orang yang zalim yang telah menyeksa dan membelenggukan manusia, tetapi di antara penyeksaan dan pembelengguanku dengan penyeksaan dan pembelengguan mereka terdapat perbezaan yang amat jauh. Alangkah ringannya penyeksaan dan pembelengguan makhluk! Dan alangkah beratnya penyeksaan dan pembelengguan Khaliq! Biarlah mereka mengazab dan membelenggu manusia seperti mereka, kerana mereka akan dibalas dengan penyeksaan dan pembelengguan yang di luar kefahaman dan dugaan manusia!

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 27 - 30)

Orang Yang Berjiwa Mutma'innah Dipersilakan Masuk Ke Dalam Syurga

Di tengah-tengah suasana Qiamat yang ngeri dan di tengah-tengah suasana penyeksaan dan pembelengguan yang dahsyat dan di luar segala kefahaman itu, tercetuslah suara panggilan dari al-Mala'ul-A'la menyeru orang yang beriman:

"Wahai jiwa yang tenang!(27). Kembalilah kepada Tuhanmu dengan penuh kepuasan dan mendapat keredhaan dari-Nya(28). Dan silalah masuk ke dalam kumpulan para hamba kesayangan-Ku(29). Dan silalah masuk ke dalam Syurga-Ku."(30)

Demikianlah ia diseru dengan penuh mesra dan lemah-lembut: **"Wahai"**. Ia diseru dengan ciri kerohaniyah dan penuh penghormatan: **"Wahai jiwa"**. Ia diseru dengan memberi sanjungan dan ketenangan:

يَٰٓأَيَّتُهَا ٱلنَّفْسُ ٱلْمُطْمَئِنَّةُ ﴿٢٧﴾

"Wahai jiwa yang tenang!"(27)

Dan di tengah-tengah suasana belenggu dan ikatan itu muncul kebebasan, kesenangan dan kemewahan:

ٱرْجِعِىٓ إِلَىٰ رَبِّكِ رَاضِيَةً مَّرْضِيَّةً ﴿٢٨﴾

"Kembalilah kepada Tuhanmu dengan kepuasan dan mendapat keredhaan-Nya."(28)

Yakni kembalilah kepada asal mulamu setelah berpisah dengan bumi dan bercerai dengan dunia. Pulanglah kepada Tuhanmu kerana di antara Dia dan engkau terdapat hubungan dan perkenalan yang kukuh. Kembalilah:

رَاضِيَةً مَّرْضِيَّةً ﴿٢٨﴾

"Dengan kepuasan dan mendapat keredhaan dari-Nya."(28)

Ia diseru sedemikian lembut yang membuat suasana seluruhnya diselubungi kemesraan yang bertimbal balik, kepuasan dan keredhaan:

"Dan silalah masuk ke dalam kumpulan para hamba kesayangan-Ku." (29)

Iaitu para hamba-Ku yang mukarrabin yang dipilih untuk mendapatkan darjat itu.

"Dan silalah masuk ke dalam Syurga-Ku."(30)

Di bawah naungan dan rahmat-Ku.

Dari seruan pertama:

"Wahai jiwa yang tenang!"(27)

lagi jelas terbayang rasa kasih mesra Ilahi yang mengusap jiwa-jiwa penghuni Syurga, iaitu jiwa yang tenang tenteram terhadap Allah dan jalan hidupnya, terhadap qadha' dan qadar Allah yang ditetapkan ke atas dirinya, juga jiwa yang tenang tenteram, sama ada di dalam kesenangan atau kesusahan, sama ada dalam, keluasan atau kesempitan, sama ada ia dikurnia atau ditahankan kurnia, ia selama-lamanya tetap tenang tenteram, tidak ragu-ragu, tidak menyeleweng dan tidak teragak-agak di tengah jalan dan tidak gentar pada Hari Qiamat yang ngeri.

Kemudian ayat-ayat itu berlalu berturut-turut menyelubungi seluruh suasana dengan keamanan, kepuasan, ketenteraman dan irama kata-kata yang lemah-lembut di sekeliling pemandangan yang membayangkan rasa kemesraan, hubungan yang dekat dan rasa ketenangan, itulah Syurga dengan hembusan-hembusan bayunya yang nyaman dan menyegar menjenguk di celah-celah ayat ini, dan di atasnya muncul tajalli wajah ar-Rahman Yang Mulia dan Maha Gemilang.

* * * * * *